

JABATAN KORPORAT
TARIKH:28.11.2023 MASA:05.00pm
MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH BAKTI SETIA
TAHUN 2023**

TARIKH / MASA / TEMPAT
28 NOVEMBER 2023 (SELASA)
3.00 PETANG

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
NAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat limpah kurnia-Nya telah mengizinkan kita berkumpul pada petang ini bersempena **Majlis Penyampaian Anugerah Bakti Setia Tahun 2023** bertempat di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya.
2. **Majlis Penyampaian Anugerah Bakti Setia** ini, adalah majlis khusus yang pertama kali diadakan di MBSP bagi mengiktiraf jasa dan khidmat pegawai dan kakitangan serta memberikan perkhidmatan yang terbaik sepanjang berkhidmat bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai selama 25 tahun dan ke atas.
3. Anugerah Bakti Setia ini telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bil. 2 Tahun 2023 yang di adakan pada 19 Jun 2023 dan seramai 160 orang pegawai dan kakitangan MBSP telah dipilih oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) yang ke 2/2023 pada 28 Ogos 2023.

4. Setiap pegawai dan kakitangan MBSP yang dianugerahkan Anugerah Bakti Setia (ABS) Tahun 2023 akan menerima insentif iaitu:-
 - i) Sijil Anugerah Bakti Setia
 - ii) Cenderahati berupa Parker Ball Pen
5. MBSP mempunyai pelbagai pendekatan dalam memberi pengiktirafan kepada para kakitangannya. Kebiasaannya perhatian lebih diberikan majikan dalam perkara kebijakan pekerja melalui penyediaan pelbagai bentuk pakej kesejahteraan perlindungan kesihatan, percutian, kursus latihan ataupun penajaan menyambung pengajian, tetapi memberi pengiktirafan juga adalah ‘pakej’ yang tidak boleh diabaikan atau dianggap bukan keutamaan.
6. PENGIKTIRAFAN kepada pegawai dan kakitangan akan mewujudkan iklim organisasi yang positif, produktif dan inovatif. Ianya menggalakkan lebih banyak tindakan dan merangsang pemikiran seseorang kakitangan tersebut untuk mempercayai bahawa dirinya memiliki potensi dan kemampuan untuk terus menyumbang kepada kemajuan dan kejayaan organisasinya.

7. Pengiktirafan kepada kakitangan secara hakikatnya adalah satu bentuk pengiktirafan kepada kualiti kerja yang telah ditunjukkan oleh kakitangan tersebut kerana pekerja yang berkualiti adalah aset utama sesebuah organisasi.
8. Pengiktirafan kepada pekerja, secara langsung membentuk satu nilai baharu kepada kakitangan; iaitu nilai untuk ‘lebih memberi’ dan ‘tidak berkira’ sepanjang berkhidmat.
9. Ucapan syabas dan tahniah kepada semua pegawai dan kakitangan yang telah menggalas tanggungjawab yang diamanahkan selama 25 tahun perkhidmatan di MBSP.
10. Semoga anugerah yang diterima ini menjadi pemangkin dalam memajukan kerjaya seterusnya memberi impak positif serta sebagai role model kepada kakitangan lain. Semoga mereka semua sihat sejahtera dan terus bekerja dan berbakti.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.